

20. Kerajaan Persekutuan akan cuba mengadakan peruntukan tambahan yang lebih banyak lagi kepada negeri-negeri selepas meneliti laporan kalian pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan selepas mengkaji prestasi, kemampuan dan keupayaan tenaga dan jentera pelaksanaan tiap-tiap sebuah negeri. Sebagaimana yang selalu saya tegas dan jelaskan bahawa keutamaan akan diberi kepada projek dan rancangan yang boleh mendatangkan faedah dan kesan yang segera dan meluas kepada rakyat khususnya penduduk-penduduk kawasan luarbandar.